

BULETIN
Geo**spatial**
Negeri Perak



Edisi 1/2013

WebGIS

PerakGIS MAP


JABATAN PENDIDIKAN NEGERI

JABATAN KEMAJUAN ORANG ASLI

LATIHAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI



GIS CAMP

AKTIVITI



WebGIS

dari meja **Penasihat**



Aplikasi Taburan Nilai Hartanah MBI yang telah siap pada bulan Oktober 2012 telah digunakan oleh pihak MBI setelah proses instalasi selesai dijalankan pada bulan Disember 2012. Proses instalasi telah dijalankan dengan beberapa sesi pengujian kerana pihak MBI perlu menambahbaik infrastruktur server.

Versi pertama aplikasi ini hanya meliputi kawasan Greentown sahaja. Walaubagaimanapun, pada bulan Mac 2013 pihak MBI telah melebarkan kawasan penilaian iaitu Taman Pertama (First Garden). Unit PerakGIS akan membuat pemantauan secara berkala ke Bahagian Penilaian MBI bagi mengemaskini data-data tambahan untuk pangkalan data PerakGIS dan memastikan aplikasi berjalan lancar. Pemantauan berkala akan diadakan 2 minggu sekali seperti yang telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak.

Sekalung tahniah untuk sidang redaksi Unit PerakGIS kerana berjaya menerbitkan Buletin Geospasial Edisi Kedua Bil.1/2013. Terbitan kali ini banyak memberi maklumat kepada pembaca khususnya berkaitan pembangunan Geospasial di Negeri Perak. Edisi kali ini memberikan lebih pendedahan kepada pembaca mengenai perkembangan semasa PerakGIS.

Pada edisi kali ini, pembaca akan disajikan dengan info berkaitan Aplikasi WebGIS Property MBI, Aplikasi Peta Interaktif Negeri Perak, Jabatan Pelajaran Negeri Perak, Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Perak, Training MapFlex Solution, GIS-Camp oleh CubeGlobal dan aktiviti PerakGIS. Info yang dikongsikan ini merupakan sebahagian daripada perkembangan kemajuan Unit PerakGIS.

Akhir kata, saya berharap Semoga maklumat yang dipaparkan dapat menyumbang secara berterusan ke arah bidang Geospasial. Saya meletakkan keyakinan sepenuhnya kepada warga Unit PerakGIS untuk meneruskan usaha ke arah pembangunan State Geospasial Data Centre, SGDC Perak. Saya berharap seluruh warga Unit PerakGIS dapat memberikan sokongan dan sumbangan yang sewajarnya bagi menjayakan aspirasi ini.

Dato' Dr. Dolbani Bin Mijan
 Pengarah
 Perancangan Bandar dan Desa
 Perak Darul Ridzuan

Sidang Pengarang


Penasihat
 Y. Bhg. Dato' DR Dolbani Bin Mijan
 Pengarah
 Perancangan Bandar dan Desa
 Perak Darul Ridzuan

Ketua Editor
 En. Izham Bin Barahim

Editor
 Pn. Nur Aznim Binti Mohamed Azizi
 Cik Aladawiah Binti Abdul Latif
 En. Mohd Hafiz Bin Mohd Ghazali

PerakGIS MAP

PerakGIS Map atau Peta Interaktif Negeri Perak adalah satu aplikasi berasaskan web based yang memaparkan maklumat berbentuk grafik dan pemetaan. Data-data Unit PerakGIS telah dikategorikan mengikut standard yang telah ditetapkan oleh MaCGDI.



Daripada 12 kategori data, hanya 8 kategori data sahaja yang dapat dikelaskan iaitu :

1. Aeronautical

Kategori ini mengandungi maklumat geospasial yang berkaitan dengan pengangkutan udara seperti ruang udara, Aerodrome dan lapangan terbang.

2. Built Environment

Kategori ini mengandungi butiran-butiran seperti bangunan, hotel atau tempat-tempat yang telah dikhaskan untuk kegunaan tertentu sebagai tempat untuk perumahan, komersil, industri, institusi, pendidikan, keagamaan, penrkuburan, rekreasi, dan struktur built-up.

3. Demarcation

Kategori ini mengandungi maklumat tentang batas / delineasi ciri-ciri topografi, marin dan kadaster

4. Geology

Kategori ini mengandungi semua maklumat pemetaan geologi dan geosains berkaitan data geospasial termasuk geolithology, Mineral, fosil, perlombongan, penerokaan dan maklumat-maklumat geologi.

5. Hydrology

Kategori ini mengandungi data geospasial yang berkaitan dengan hidrografi, pantai, struktur garis pantai, kemudahan memancing, jeti dan pelabuhan, alat bantu navigasi, penandaan zon bahaya, maklumat kedalaman, Kedudukan air di kawasan pedalaman, struktur sungai, maklumat laut lepas

6. Transportation

Kategori ini mengandungi tanah dan air maklumat geospasial pengangkutan seperti rangkaian jalan, jalur kereta api, laluan air dan terminal dermaga.

7. Utility

Kategori ini mengandungi maklumat geospasial yang berkaitan dengan elektrik, telekomunikasi, bekalan air, minyak dan gas, penyiaran, longkang, dan pengurusan sisa.

8. Vegetation

Kategori ini mengandungi data geospasial pada kegiatan pertanian lahan digunakan, batas-batas dan kawasan tumbuhan seperti hutan, bakau, tanah kering, tanah lembap, dan perladangan




JABATAN PELAJARAN NEGERI PERAK

BIL	PERKARA	TARIKH / JANGKAAN TARIKH	STATUS	CATATAN
1	Mengadakan lawatan ke JPN Perak di Sektor Pengurusan Maklumat (ICT)	15/01/2013 (Selasa)	✓	Sektor Pengurusan Maklumat (ICT) <ul style="list-style-type: none"> Penolong Pengarah Unit Pengurusan Maklumat <ul style="list-style-type: none"> Tuan Haji Hamdan Bin Abu Bakar (05-05-5015201/5198) En. Abd Rashid Bin Shafie (05-05-5015201/5200) Sektor Penilaian Peperiksaan <ul style="list-style-type: none"> Unit SPM <ul style="list-style-type: none"> En. Mohd Khalis Ikhwani Bin Sani (05-05-5273617)
2	Pihak JPN (Sektor Pengurusan Maklumat) menyerahkan data terkini lokasi sekolah di Negeri Perak dalam bentuk softcopy.	17/01/2013 (Khamis)	✓	
3	Mengadakan perbincangan bersama pegawai di Sektor Pengurusan Penilaian dan Peperiksaan untuk mendapatkan data keputusan SPM mengikut sekolah-sekolah di Negeri Perak.	17/01/2013 (Khamis)	✓	
4	Data Cleaning bagi sekolah di Negeri Perak sedang dilaksanakan	08/01/2013 – 31/01/2013	Dalam proses Data Cleaning dan semakan.	
5	Data sekolah yang telah siap akan dimuat naik ke dalam PerakGIS Map	Februari 2013	✓	
6	Menyediakan aplikasi untuk pihak Jabatan Pelajaran Negeri Perak mengikut spesifikasi yang akan dibincangkan	Mac 2013	✓	

Kronologi pembangunan aplikasi untuk JPN

Aplikasi maklumat sekolah adalah hasil daripada kerjasama di antara PerakGIS dan Jabatan Pelajaran Negeri Perak (JPN) yang bermula dari bulan Januari 2013 dan telah siap versi pertama pada bulan Mac 2013.

Aplikasi ini dapat membantu pihak JPN dalam mengetahui lokasi dan maklumat sekolah mengikut kod atau nama sekolah. Maklumat no.lot sekolah masih dalam proses pengemaskinian untuk penambahbaikan aplikasi bagi versi kedua.



Paparan aplikasi maklumat sekolah untuk seluruh Negeri Perak

Aplikasi ini dapat memaparkan taburan 14 jenis kategori sekolah. Selain itu, analisis yang boleh dilakukan adalah untuk mengetahui taburan murid mengikut sekolah dari tahun 2009 hingga 2012.

Analisis berdasarkan data-data dari pihak Jabatan Pelajaran Negeri (JPN)

PerakGIS bekerjasama dengan JAKOA dalam Pembangunan Data GIS bagi penempatan Orang Asli. Langkah pertama projek ini ialah proses pengumpulan maklumat penempatan orang asli yang bermula pada Oktober lepas dan telah selesai sepenuhnya.

Manakala jadual tugas lawatan tapak dan portal juga telah selesai pada November 2012. Seterusnya status terkini keseluruhan data yang telah dicerap hasil dari lawatan tapak masih dalam proses 'digitize' dan portal akan ditambah baik dari masa ke semasa. Manakala proses keempat iaitu pembangunan aplikasi GIS bagi penempatan orang asli pula akan dimulakan pada Mac ini.

Pada 27 Februari 2013, Mesyuarat Pasukan Kerja Geospasial Negeri Perak telah diadakan yang dipengerusikan oleh Y.Bhg.Dato Dr.Dolbani bin Mijan yang telah dihadiri oleh Pengarah dan Timbalan Pengarah JAKOA Negeri Perak.

Lawatan tapak ke perkampungan orang asli daerah Kuala Kangsar dan Sungai Siput telah bermula pada 18-20 Mac 2013. Perkembangan terbaru sebanyak 13 buah kampung di daerah tersebut telah selesai dicerap. Tenaga kerja terdiri daripada 4 orang kaki tangan Unit PerakGIS dan 2 Orang kakitangan JAKOA.

BIL	PERKARA	TARIKH / JANGKAAN TARIKH	STATUS	CATATAN
1	Pengumpulan maklumat penempatan orang asli	5/10/2012	√	
2	Jadual tugas lawatan tapak dan portal	27/11/2012	√	Sebanyak 12 buah kampung telah selesai dicerap sehingga 27/11/2012
3	Status terkini data dan pembangunan portal	14/01/2013	√	
4	Mesyuarat Pelaksanaan GIS Negeri Perak 2013 JAKOA Bil. 2/2013	25/02/2013	√	Mesyuarat akan diadakan di Tingkat 14, Bangunan PTTC.
5	Lawatan tapak di daerah Kuala Kangsar / Sg. Siput	18/03/2013 – Mei 2013	√	Sebanyak 13 buah kampung telah selesai dicerap sehingga 21/03/2013
6	Pembangunan aplikasi GIS bagi penempatan orang asli.	Jun 2013		Pilot Project bagi daerah Kinta/Kampar
7	Penyerahan Portal JAKOA kepada pihak JAKOA Negeri	April 2013		

Kronologi kerjasama diantara Unit PerakGIS dan JAKOA



Portal maklumat geografi JAKOA Perak yang di bangukan oleh Unit PerakGIS



LATIHAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI

6

Latihan pemindahan teknologi kepada Unit PerakGIS telah diadakan pada 19-20 Februari 2013. Latihan ini dihadiri oleh 15 orang warga PerakGIS bertempat di Tingkat 9, Bangunan PTTC. Latihan telah disampaikan oleh pihak Mapflex Solution.

Latihan yang diberikan merangkumi:

- Pengenalan GIS
- Perlaksanaan (SDLC)
- "software development life cycle"
- Pemasangan & konfigurasi
- Pengenalan open source
- Open layers
- Geoserver
- Pengenalan PostGIS

Objektif pembangunan Peta Interaktif Negeri Perak adalah:

- Menyediakan pangkalan data digital berbentuk maklumat pelan spatial bagi menyokong proses membuat keputusan.
- Menjadi sebuah pusat pangkalan data geospasial bagi negeri Perak.
- Menggalakkan perkongsian data antara Pihak Berkuasa Tempatan dalam Negeri.
- Membolehkan untuk paparan awam dan jabatan dalaman (data terhad).
- Penggunaan medium talian internet lebih efektif dalam pengagihan data digital spatial.



Pada 11-15 Mac 2013 yang lepas, bertempat di Unit PerakGIS Tingkat 9, PTTC telah berlangsung GIS-Camp Fasa Pertama yang dikendali oleh CubeGlobal. GIS-Camp bertujuan memberi latihan secara praktikal dan teori kepada kakitangan unit PerakGIS yang dikendalikan oleh perunding Cube Global Sdn. Bhd.

Program GIS-Camp bertujuan mengenalpasti peranan dan skop tugas PerakGIS, membangunkan spesifikasi kerja lapangan, pengenalan kepada alat-alat pengumpulan maklumat di lapangan dan mengenalpasti penyesuaian kepada alat-alat pengumpulan maklumat di lapangan serta melaksanakan pengumpulan maklumat di lapangan.

GIS-Camp ini dibahagikan kepada 4 kumpulan kecil dimana setiap satu kumpulan akan diketuai oleh seorang fasilitator yang dibawa bersama CubeGlobal. Seramai 12 peserta terdiri daripada 6 kakitangan perancang bandar dan 6 kakitangan teknikal terlibat dalam GIS-Camp ini. Bagi fasa pertama ini, Greentown, Pekan Lama Ipoh dan Pekan Baru Ipoh telah dipilih untuk dijadikan kawasan kajian untuk GIS-Camp.

12 elemen telah dipilih untuk dijadikan spesifikasi butiran kajian iaitu :

- Balai Polis
- Bangunan Pentadbiran
- Bangunan Warisan
- Jalan
- Kesihatan
- Lot Tanah
- Pili Bomba
- Pokok
- Rumah Ibadat
- Stesen ATM
- Stesen/Hentian Bas
- Stesen Minyak



AKTIVITI

Pelbagai aktiviti telah disertai oleh Unit PerakGIS dalam merealisasikan sebuah Unit yang aktif dan dekat dengan pelbagai pihak.



Karnival Media Kreatif

Tarikh : 15 - 16 Disember 2012

Tempat : Perak Techno Trade Centre (PTTC), Ipoh, Perak.

Taklimat GIS

Tarikh : 4 Mac 2013

Tempat : Perak Techno Trade Centre (PTTC) Ipoh, Perak.



Karnival Moh Kite Online, Mudahnya!

Tarikh : 23 Mac 2013

Tempat : Dewan Merdeka Seri Manjung, Manjung, Perak.

Lawatan ke PEGIS

Tarikh : 27 Februari 2013

Tempat : Bangunan PEGIS, Komtar Pulau Pinang



Lawatan ke FRIM

Tarikh : 27 Mac 2013

Tempat : Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Kepong, Kuala Lumpur.

Lawatan ke RS&GIS

Tarikh : 27 Mac 2013

Tempat : RS&GIS, Mont Kiara, Kuala Lumpur.

